



Setempat Dunia Ekoniaga Sukan Gah! Hidayah Soshiok Halal! Kisah Zakat Kembara Bahasa & Budaya Lain ▾

SIRI LAPORAN ANTIDADAH Kerjasama antara Berita Harian/Minggu dengan Biro Narkotik Pusat (CNB)

Bekas pesalah buka pintu niaga beri penagih peluang kedua

Jan 20, 2019 | 05:30 AM

NUR HUMAIRA SAJAT



BERUBAH MENJADI BAIK: Encik Jamal (baju hijau) yang merupakan bekas pesalah dadah, kini sibuk mengurus perniagaan makanan keluarganya dan mengambil penghuni Darul Islah untuk bekerja di tempat perniagaannya. - Foto Fail

*Mereka pernah terperangkap dalam jerat dadah, tetapi kini sudah kembali ke pangkal jalan. Malah, kedua bekas pesalah dadah ini yang suatu ketika dahulu merupakan penghuni Rumah Peralihan Jamiyah (Darul Islah), menyumbang kembali ke Darul Islah sambil membimbang pesalah dadah lain supaya tidak menyalah guna dadah lagi. Ikuti laporan wartawan **NUR HUMAIRA SAJAT** (nhumaira@sph.com.sg) dalam siri laporan antidadah kali ini*

SEBANYAK lebih sepuluh kali, beliau sanggup ke luar negara demi mengasingkan diri daripada dadah hanya semata-mata ingin mengatasinya ketagihannya.

Sayangnya, setiap kali beliau pulang ke Singapura, beliau gagal. Belum sempat sampai ke rumah, dadah yang diburunya dahulu.

Kehidupannya seolah-olah dipandu gejala dadah.

Namun kini, Encik Jamal (bukan nama sebenar), 46 tahun, mempunyai matlamat hidup lebih besar - keluarga dan perniagaan makanan keluarganya.

Malah, pengurus operasi itu mengambil bekas pesalah mahupun yang masih menjalani hukuman untuk bekerja dengannya.

"Setiap orang berhak diberi peluang kerana kita tidak tahu bila detik perubahan mereka akan tiba. Saya sendiri putus harapan bertahun-tahun tetapi saya bersyukur saya sudah tidak memirkan dadah lagi," ujar beliau yang dibebaskan daripada Rumah Peralihan Jamiyah (Darul Islah) pada September 2017.

Kini, setiap kali perniagaannya memerlukan tenaga kerja bagi acara besar-besaran, beliau akan mendapatkan penghuni Darul Islah untuk menyingsing lengan.

Beliau percaya bahawa dengan melakukan ini, ia bukan sekadar memberi sokongan kepada pesalah untuk menimba kemahiran pekerjaan malah ia juga menjadi satu peringatan buatnya.

"Setiap kali saya menjekakkan kaki di Darul Islah, ia ibarat peringatan yang baik buat saya untuk tidak kembali ke jalan ini," katanya dengan raut wajah yang tenang.

Kehidupan Encik Jamal dahulu yang dipenuhi kegiatan memburu dadah secara berterusan telah mengakibatkannya keluar masuk pusat pemulihan dadah dua kali, dan penjara sebanyak tiga kali.

Ianya bermula dengan beliau menjamah ganja, tetapi lama-kelamaan, beliau mencuba dadah yang lebih kuat seperti heroine mahupun subutex.

Cengkaman dadah ke atas dirinya sangatlah kuat sehingga 'cold turkey' (kaedah berhenti dadah secara mendadak) yang dialaminya berkali-kali tidak dapat mematah keinginannya menyalah guna bahan itu.

Beliau menggambarkan 'cold turkey' sebagai pengalaman yang amat perit dan sukar ditempoh.

Begitu pun, ia masih juga tidak dapat menjadi sebab kukuh dalam membantunya berhenti mengambil dadah.

"Yang peliknya, ketagihan yang saya alami mampu mengatasi ketakutan saya melalui 'cold turkey'. Apabila saya sudah sihat kembali, saya terus lupakan pengalaman itu," kata Encik Jamal.

Perjuangan melawan ketagihannya terhadap dada seolah-olah tiada penghujung, dan hidupnya disifatkan sebagai tiada arah tuju. Sehinggalah beliau diberkas lagi yang membuatnya serik.

Beliau menjalani hukuman penjara selama tiga tahun empat bulan, hukuman paling lama yang pernah dilalui bapa kepada anak berumur lima tahun itu.

Detik itulah yang menyedarkannya bahawa beliau tidak mahu anaknya melihatnya meringkuk di penjara lagi.

"Saya tidak mahu anak saya mempunyai kesan psikologi di mana 'Daddy ke penjara, saya pun nak ke penjara lain kali'," luahnya.

Di samping itu, beliau tidak mahu lagi menyusahkan kedua ibu bapanya yang semakin tua dan umur sudah pun mencecah angka 70.

Perniagaan keluarganya hampir lingkup gara-gara beliau dan abangnya masuk penjara akibat dadah.

Berbekalkan tekad dan niat ikhlas, pengalaman Encik Jamal dalam Darul Islah telah banyak memanfaatkan dirinya dan mengubah cara hidupnya.

"Tempat ini merupakan wadah baik untuk mengajar saya mempunyai struktur dan disiplin dalam hidup... bangun awal, dan memberi saya peluang bekerja. Setelah saya pulang ke rumah, saya cuba mengekalkan rutin yang sama termasuk bersenam dan gaya hidup sihat," katanya.

Encik Jamal mula tebus kembali kesilapannya setelah diberi peluang bekerja di perniagaan keluarganya meskipun masih menjalani perkhidmatan di Darul Islah.

Yang paling penting, sokongan moral yang diberikan telah banyak mendorongnya.

"Duit sahaja tidak dapat menyelesaikan masalah dadah. Yang paling utama adalah kerohanian dan sokongan keluarga..."

"Berkat doa saya, Allah telah membantu menghilangkan ketagihan itu," ujar Encik Jamal.

"Saya tidak mahu anak saya mempunyai kesan psikologi di mana 'Daddy ke penjara, saya pun nak ke penjara lain kali'."

- Encik Jamal (bukan nama sebenar).